



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PERALIHAN PORTAL e-INVOICE MENJADI GOVERNMENT VENDOR PORTAL
DALAM SISTEM TAFIS**

1. Berikutan dengan penambahbaikan ke atas sistem *Treasury Accounting and Financial Information System* (TAFIS), Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini memaklumkan bahawa mulai 1hb., April, 2024, **portal e-Invoice** telah melalui proses peralihan dan **ditukar menjadi *Government Vendor Portal***.
2. *Government Vendor Portal* ini adalah portal layan sendiri (*self-service*), yang akan membolehkan pembekal-pembekal (*vendors*) yang berminat untuk menyertai sebutharga ataupun tawaran yang dikeluarkan oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan; serta menghadapkan tuntutan atau invois setelah memberikan khidmat pembekalan atau perkhidmatan kerja kepada mana-mana agensi Kerajaan.
3. Kementerian dan Jabatan **tidak akan dapat memproses** apa jua tuntutan atau pesanan sama ada bagi pembekalan atau perkhidmatan Kerajaan kepada mana-mana pembekal yang **belum berdaftar** di dalam *Government Vendor Portal*.
4. Pembekal-pembekal yang sudah pernah berdaftar di dalam portal *e-invoice* adalah diperlukan untuk **mendaftar semula** di dalam *Government Vendor Portal* dengan seberapa segera yang boleh.
5. Pembekal-pembekal yang memerlukan bantuan untuk mendaftar di dalam *Government Vendor Portal* adalah digalakkan untuk mengikuti sesi *Vendor Clinic* pada tarikh dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 1hb., April, 2024 hingga 30hb., April, 2024
Masa : Semasa waktu bekerja
Tempat : Bilik Mesyuarat 3, Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi